

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH** : **19 MAC (RABU)**

**SOALAN** : **50**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memantapkan lagi silaturahmi di antara rakyat dan kekeluargaan dan mengurangkan program-program atau rancangan-rancangan yang berunsurkan keganasan di televisyen.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Media elektronik khususnya televisyen di negara ini memainkan peranan penting dalam membentuk sikap generasi muda pada hari ini dan untuk memantapkan hubungan silaturahmi dalam kalangan keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Pada masa kini, stesen-stesen televisyen kerajaan dan swasta telah banyak menerbitkan program-program berbentuk keagamaan dan ia telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh seluruh rakyat Malaysia seperti program berbentuk realiti TV, *Akademi Al-Quran*, *Pencetus Ummah* dan sebagainya, program secara langsung dan